



# PARLIMEN MALAYSIA


DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**


**HARI RABU : 22 NOVEMBER 2017**



## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO.10 HINGGA NO. 53 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



2

Soalan No: 10

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG]

**TARIKH :** 22.11.2017

**SOALAN :**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) apakah rancangan dan tindakan Kementerian terhadap sekolah-sekolah daif di Sarawak; dan
- (b) apakah sebab Kerajaan Sarawak sendiri perlu membayar RM1 bilion (in advance) untuk menambah baik dan menaik taraf sekolah-sekolah daif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus komited melaksanakan pembaikan ke atas sekolah-sekolah daif di Sarawak dalam memastikan semua sekolah daif berada dalam keadaaan baik dan selamat. Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan bagi 183 buah sekolah daif di Sarawak. Sebanyak 50 buah sekolah sedang dalam pelaksanaan projek naik taraf manakala bakinya akan disiapkan secara berperingkat-peringkat. Dalam bajet tahun 2018, kerajaan menyediakan peruntukan RM1 bilion untuk sekolah daif di Sarawak.

- b. Kerajaan Negeri Sarawak telah membentangkan kertas bertajuk 'Cadangan Perlaksanaan Pembangunan Sekolah Daif di Negeri Sarawak' di Mesyuarat Majlis Ekonomi Nasional pada 9 Oktober 2017. Kertas tersebut mengemukakan cadangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menangani masalah sekolah daif di Sarawak dengan mencadangkan model pembiayaan dan pelaksanaan pembangunan semula sekolah-sekolah daif di Sarawak melalui pendekatan pembiayaan baharu.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN  
BIN MOHD HARUN  
NARRASHID [KOTA  
TINGGI]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2017  
(RABU)**

**SOALAN : 11**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan yang dilaksanakan Kementerian dalam memperkasakan pembangunan luar bandar berasaskan ekonomi digital.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mulai April 2017 KKLW telah menawarkan program latihan eRezeki di Mini RTC kepada masyarakat luar bandar bagi memperkasakan pembangunan luar bandar berasaskan ekonomi digital. Program ini dijalankan melalui kerjasama KKMM dan MDEC di mana Pengurus Mini RTC telah dilatih sebagai fasilitator eRezeki untuk memberi latihan kepada penduduk luar bandar.

Sehingga akhir Ogos 2017, seramai 1,100 peserta yang terdiri daripada penduduk luar bandar telah berdaftar dengan eRezeki melalui program yang telah dijalankan di Mini RTC seluruh negara. Bagi perancangan masa hadapan, modul eUsahawan juga akan diperkenalkan di Mini RTC sebagai salah satu usaha mempergiat aktiviti ekonomi digital di kalangan penduduk luar bandar.

Di samping itu, KKLW turut menawarkan kursus-kursus keusahawanan yang menggunakan ICT sebagai platform di Mini RTC seluruh negara. Mini RTC juga turut membantu usahawan sekitar mempromosi produk secara atas talian melalui media sosial Facebook dan Instagram. Program-program ini akan diteruskan agar lebih ramai penduduk luar bandar mendapat manfaat daripada program tersebut.

Selain itu, KKLW telah merangka satu inisiatif di bawah **Pelan Transformasi Luar Bandar** iaitu **Memperluas Perniagaan Secara dalam Talian (*Online*)** yang dinamakan sebagai **DesaMall@*Online*** sebagai satu usaha Kementerian untuk membantu usahawan luar bandar memperluas perniagaan mereka melalui perniagaan dalam talian atau lebih dikenali sebagai e-dagang.

Bagi memastikan kejayaan program ini, Kementerian telah mengadakan kerjasama strategik bersama Celcom, 11street dan Pos Malaysia sebagai strategi untuk melahirkan lebih ramai usahawan digital di luar bandar.

Program DesaMall@*Online* ini telah bermula sejak 11 Mei 2017 dan sebanyak **230 usahawan luar bandar** yang memenuhi kriteria yang ditetapkan (*online business readiness*) telah dipilih untuk mengikuti latihan secara percuma yang dikendalikan oleh 11street.

Latihan yang disediakan termasuk kaedah penjualan produk melalui platform 11street, *copy-writing*, promosi, pemasaran dan teknik-teknik mengambil gambar produk dengan baik. Sebanyak 50 produk usahawan telah mula diniagakan di platform e-dagang 11street dengan jenama – DesaMall hasil daripada kursus DesaMall@*Online* yang telah dijalankan.

Kementerian mensasarkan sebanyak **500 sehingga 1000** usahawan luar bandar mula berniaga secara dalam talian sehingga tahun 2018.

**SOALAN NO. 12****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN****DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ****TARIKH : 22 NOVEMBER 2017 (RABU)****SOALAN :**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan ibu tunggal dengan sekurang-kurangnya seorang anak berumur 16 tahun ke bawah dengan memberi pecahan pendapatan isi rumah (household income) di bawah RM1000, RM1001 - 2000 dan lebih daripada RM2000.

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sangat prihatin terhadap kebajikan ibu tunggal dan dalam setiap program yang dilaksanakan oleh KPWKM, golongan ini tidak dipinggirkan. Statistik ibu tunggal diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, seramai 235,240 orang wanita iaitu 1.7% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah ibu tunggal. Bilangan ibu tunggal di Malaysia pada tahun 2010 meningkat seramai 104,991 orang (80.6%) berbanding tahun 2000.

Daripada jumlah tersebut pada 2017 sehingga September sejumlah 32,751 orang kategori Ibu Tunggal adalah penerima bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang melibatkan peruntukan sejumlah RM75.9 juta.

Ibu tunggal yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2014 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM iaitu pendapatan keluarga di bawah RM 930 sebulan bagi Semenanjung, RM990 bagi Sarawak dan RM 1,170 bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan berkelayakan menerima bantuan Bantuan-Kanak-Kanak (BKK) sekiranya memberi penjagaan kepada seorang atau lebih kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah. Sehingga September 2017 sejumlah 19,902 orang penerima adalah terdiri dari ibu tunggal memerlukan manfaat dari BKK ini yang diberikan kepada keluarga yang sedang memberi jagaan kepada sekurang-kurangnya seorang anak/kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah, dengan kadar bantuan RM100 sebulan seorang dan kadar maksimum ialah RM450 sebulan sekeluarga memberi jagaan melebihi empat (4) orang kanak-kanak dengan peruntukan sejumlah RM 44.45 juta.

Manakala bilangan ibu tunggal yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Wanita sehingga September 2017 yang mempunyai pendapatan RM1001 - 2000 adalah sejumlah 1,865 orang dan ibu tunggal yang mempunyai pendapatan melebihi daripada RM2000 adalah sejumlah 832 orang.

Disamping itu, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita juga komited untuk membantu menjalankan usaha lain bagi membantu golongan ibu tunggal dan wanita B40 menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Contohnya melalui pelaksanaan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) yang kini dikenali dengan nama *Development of Women Entrepreneurs Initiative (DEWI)* yang merangkumi bidang seperti jahitan, kecantikan, kesihatan, pembuatan pastri dan lain-lain.

Program ini menggunakan konsep inkubator atau *hand holding* (latih dan bimbing) yang dilaksanakan di seluruh negara menerusi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA). Sebanyak RM 900,000 peruntukan pada tahun 2017 dan RM 6,000 daripada jumlah tersebut telah diperuntukkan kepada setiap negeri untuk melaksanakan program ini. Melalui program DEWI, sebanyak 658 program telah dilaksanakan bermula sejak tahun 2008 sehingga kini telah berjaya memberi manfaat kepada 14,153 orang peserta wanita dan ibu tunggal. Berdasarkan Laporan Penilaian *Outcome* daripada pelaksanaan program I-KIT dan I-KeuNita iaitu melibatkan 9,826 peserta dari tahun 2013 hingga 2016, seramai 7,947 peserta telah berjaya membuka perniagaan selepas

menyertai program ini. Manakala 5,591 peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan melebihi 50 peratus selepas menyertai program tersebut. daripada jumlah tersebut juga, seramai 5,541 peserta telah berjaya keluar dari paras garis kemiskinan dan seramai 1,483 peserta telah berjaya keluar dari golongan B40 iaitu dengan pendapatan melebihi RM3860 sebulan.